

Tahun 2023 merupakan tahun yang mencabar bagi majoriti rakyat Malaysia kerana berlaku peningkatan kos sara hidup yang disebabkan oleh inflasi global. Berdasarkan data yang dikemukakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), purata inflasi dunia pada tahun 2022 ialah 8.8%. Purata inflasi bagi Malaysia pula ialah 3.3% pada tahun 2022. Kadar itu telah menunjukkan trend peningkatan tetapi masih rendah jika dibandingkan dengan krisis kewangan pada tahun 1998 (5.3%), krisis sub-prima 2008 (5.4%) dan pada tahun 2017 (3.8%).

Sementara itu, kadar inflasi ketika pandemik COVID-19 melanda jatuh sehingga -1.1% pada tahun 2020 dan mulai meningkat pada tahun 2021 menjadi 2.5% setelah ekonomi dibuka semula. Kenaikan harga barangan dan inflasi pada tahun 2022 berpunca daripada beberapa faktor seperti pembukaan ekonomi pasca-COVID-19, krisis peperangan antara Rusia dengan Ukraine yang mengganggu bekalan komoditi keperluan asas dan tenaga serta perubahan iklim yang menyebabkan rantai bekalan di seluruh dunia terganggu. Walaupun data inflasi Malaysia lebih rendah berbanding dengan



Peningkatan Kos Sara Hidup: Cabaran Inflasi dan Harga Barangan

negara lain, namun kenaikan harga barangan masih dirasakan oleh rakyat Malaysia, khususnya golongan B40. Secara umumnya, kadar inflasi yang boleh diterima ialah 2% setahun dan kenaikan pendapatan tahunan melebihi daripada kadar inflasi tersebut.

Inflasi global yang tinggi berdasarkan laporan IMF tersebut menunjukkan peri

pentingnya bagi dunia untuk mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengatasi masalah inflasi. Kenaikan harga secara umum dapat mempengaruhi kos sara hidup rakyat dan membuatkan hidup lebih sukar. Inflasi yang tinggi juga akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Jika inflasi


terus meningkat, situasi itu boleh mengurangkan kuasa beli masyarakat dan menghalang pertumbuhan ekonomi yang seimbang. Inflasi juga boleh menyebabkan kemerosotan nilai mata wang dan membuatkan sesebuah negara kurang kompetitif pada peringkat antarabangsa.

Inflasi

Inflasi secara mudahnya boleh ditakrifkan sebagai kenaikan harga barang dan perkhidmatan dalam ekonomi sesebuah negara. Keadaan itu bermakna bahawa harga barang dan perkhidmatan akan meningkat dan menyebabkan kuasa beli rakyat sesebuah negara akan menurun. Inflasi berupaya mempengaruhi kos sara hidup apabila perbelanjaan harian, bulanan atau tahunan semakin meningkat.

Inflasi dikira menggunakan indeks harga pengguna (CPI), iaitu harga bakul barangan yang akan dipantau dan dilaporkan setiap bulan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi mengukur tahap inflasi secara berkala. CPI mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang perlu dibayar oleh pengguna. Barangan dan perkhidmatan akan dikelompokkan mengikut kategori tertentu seperti makanan dan minuman, pengangkutan, tenaga dan utiliti, pakaian dan telekomunikasi dalam bakul CPI. Jika diteliti secara mendalam, penyumbang terbesar kepada inflasi negara pada tahun 2022 ialah kategori makanan dan minuman tidak beralkohol seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2.

Kerajaan dan bank negara perlu membuat keputusan yang sewajarnya bagi menangani inflasi yang tinggi dengan mengukur tahap inflasi negara melalui CPI. Antara langkah yang boleh diambil termasuklah dengan menggunakan kaedah fiskal atau menerusi kaedah polisi monetari.



Rajah 1 Kadar Perubahan Purata Inflasi Malaysia.



Rajah 2 Indeks Harga Pengguna bagi Bulan Disember 2022.

Mengesan Punca Inflasi yang Tinggi

Secara umumnya, sesebuah kerajaan boleh mengawal inflasi dengan melihat faktor kenaikan harga dan menyediakan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Sebagai contoh, krisis peperangan antara Rusia dengan Ukraine merupakan satu daripada faktor yang menyebabkan kekurangan bekalan komoditi dan tenaga. Kesan rantaian krisis telah menyebabkan majoriti negara khususnya negara membangun

dan negara Eropah mengalami kenaikan inflasi yang tinggi. Walaupun jarak Malaysia dan lokasi konflik agak jauh, Malaysia merupakan negara pengimport bersih bagi komoditi makanan seperti daging. Justeru, inflasi yang dihadapi bukan hanya disebabkan oleh permintaan yang tinggi oleh pengguna tetapi juga masalah penawaran.

Pembukaan semula ekonomi pasca-COVID-19 juga turut menyumbang kepada kenaikan harga apabila pengguna mula berbelanja setelah hampir dua

tahun tidak dapat berbelanja disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Semasa PKP, tabiat berbelanja rakyat lebih cermat, berhemat dan penjimatan perbelanjaan menyebabkan harga barangan menurun. Walau bagaimanapun, rakyat seperti "membalas dendam" untuk berbelanja setelah ekonomi dibuka, iaitu pada fasa pascapandemik COVID-19. Peningkatan harga terjadi disebabkan oleh permintaan barangan kembali pulih dan disokong dengan bantuan kewangan kerajaan serta pengeluaran wang Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) yang bukan sahaja dapat memacu pertumbuhan ekonomi tetapi juga menaikkan kadar inflasi.

Peranan Kerajaan

Kerajaan boleh menggunakan kaedah fiskal atau kaedah

**Bank
negara telah
meningkatkan
kadar OPR
kepada 2.75%
daripada
1.75%.**

polisi monetari bagi mengawal kenaikan kadar inflasi. Kebiasaannya, strategi yang digunakan untuk mengawal inflasi adalah dengan menggunakan polisi monetari, iaitu dengan meningkatkan kadar faedah atau kadar dasar semalaman (OPR) oleh bank pusat sesebuah negara. Bank Negara Malaysia (BNM) memainkan peranan itu melalui Jawatankuasa Polisi Monetari (MPC) yang akan bersidang setiap dua bulan sekali bagi menentukan kadar OPR. Kadar OPR dinaikkan untuk mengurangkan inflasi (*targeted inflation*) dengan mengurangkan kuasa beli pengguna oleh sebab pengguna perlu membayar ansuran pinjaman yang lebih tinggi sekiranya mempunyai pinjaman kadar berubah dengan bank.

Oleh itu, bank negara telah meningkatkan kadar OPR kepada 2.75% daripada



1.75%. Sewaktu pandemik COVID-19, OPR diturunkan untuk meningkatkan ekonomi manakala semasa fasa endemik, OPR dinaikkan untuk mengawal inflasi. Kadar OPR yang tertinggi pernah dicatatkan ialah 3.25% dan BNM masih mempunyai pilihan untuk menaikkan kadar OPR. Hal tersebut juga disebabkan oleh kadar faedah di Amerika Syarikat yang telah dinaikkan sehingga 4.5% pada Februari 2023. Walau bagaimanapun, kenaikan OPR ini meresahkan rakyat yang masih lagi tertekan jika kos sara hidup masih tinggi.

Selain itu, kerajaan juga berusaha untuk mengatasi masalah inflasi dengan mengawal harga barangan keperluan seperti ayam dan telur dengan memperkenalkan subsidi bagi membantu rakyat. Sebagai contoh, kerajaan telah memberikan subsidi untuk produk minyak masak, telur, petrol dan elektrik. Jumlah subsidi yang dibelanjakan menghampiri RM80 billion untuk tahun 2022. Jumlah subsidi tersebut akan dikurangkan dan subsidi bersasar pula berkemungkinan perlu dijalankan. Kerajaan juga perlu menjana pendapatan alternatif melalui cukai dan hasil bukan cukai bagi menampung perbelanjaan subsidi.

Namun begitu, kawalan harga dan pemberian subsidi hanyalah penyelesaian sementara atau berbentuk jangka pendek kerana kawalan harga secara berterusan dalam pasaran terbuka akan menimbulkan masalah seperti kartel, pasaran gelap, manipulasi, sorok dan seludup. Kerajaan perlu menyelesaikan masalah kenaikan harga berdasarkan puncanya. Tidak dinafikan, sebahagian kenaikan harga barangan disebabkan oleh permintaan pascapandemik, tetapi masalah penawaran dan ketersediaan sekuriti makanan juga merupakan satu daripada faktor utama yang muncul apabila berlaku sesuatu krisis dan kebergantungan import makanan.

Kerajaan perlu menjadi lebih proaktif untuk menjadi penyedia atau fasilitator terhadap penyediaan sekuriti makanan dalam negara. Strategi tersebut memerlukan perancangan jangka panjang bagi merancakkan semula pembangunan industri pertanian dan penternakan moden. Teknologi yang digunakan di negara lain boleh dijadikan contoh bagi memastikan sekuriti makanan pada tahap yang baik. Penggunaan tanah wakaf juga boleh diperkasakan untuk memastikan tanah wakaf tersebut dimanfaatkan secara optimum dan rakyat boleh mendapatkan barangan keperluan pada harga yang berpatutan.

Pelibatan Semua Sektor

Pelibatan sektor kerajaan, swasta dan perniagaan juga memainkan peranan yang penting dalam membantu rakyat seperti inisiatif "Menu Rahmah" yang menyediakan menu makanan berkhasiat pada harga RM5.00. Inisiatif itu dilihat dapat memberi manfaat kepada golongan B40

dan diharap dapat diperluaskan kepada golongan pelajar di institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan perlu memastikan bekalan bahan mentah sedia tercapai dan boleh diperolehi dengan harga yang berpatutan bagi memastikan hak golongan peniaga terbela. Pihak kerajaan perlu merangka pelbagai inisiatif bagi memastikan kecukupan dan kesediaan negara dalam aspek sekuriti makanan perlu dilaksanakan secepat mungkin bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import komoditi makanan.

Namun demikian, terdapat segelintir rakyat yang merasakan bahawa tindakan pemerintah masih belum cukup untuk mengatasi masalah inflasi dan peningkatan kos sara hidup ini. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu bekerjasama untuk terus berusaha mencari jalan penyelesaian yang lebih baik demi kebajikan rakyat Malaysia.

Peranan Rakyat

Sebagai rakyat Malaysia, kita juga perlu memainkan peranan





dalam usaha mengurangkan beban kos sara hidup melalui amalan berjimat cermat dalam perbelanjaan dan memilih produk tempatan yang berkualiti. Kita perlu berusaha untuk meningkatkan pendapatan dengan mencari peluang pekerjaan yang lebih baik atau menambah pendapatan sampingan. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh diaplikasikan oleh rakyat untuk menangani kos sara hidup dengan melibatkan psikologi penggunaan, tabiat berbelanja dan tabiat berbelanja secara dalam talian.

Secara khususnya, semakan terhadap naluri rasa perlu disemak secara berulang kali apabila berdepan dengan situasi seperti yang berikut:

- i. Rasa ingin berbelanja secara berlebihan.
- ii. Rasa ingin membeli barangan yang tidak diperlukan.
- iii. Rasa ingin membeli barangan mewah atau mahal.
- iv. Rasa ingin membelanjakan wang

dengan cara yang memuaskan hati sendiri atau orang lain. Rasa ingin membelanjakan wang untuk mencari kepuasan.

- v. Rasa ingin membelanjakan wang untuk menunjuk-nunjuk kekayaan.
- vi. Rasa ingin membelanjakan wang demi memperlihatkan status sosial yang tinggi.
- vii. Rasa ingin membelanjakan wang dengan cara yang meriah atau luar biasa.
- viii. Rasa ingin membelanjakan wang dengan cara yang membuat diri terlihat menonjol.
- ix. Rasa ingin membelanjakan wang dengan cara yang membuat diri terlihat lebih baik daripada orang lain.
- x. Rasa ingin membelanjakan wang demi menunjukkan

bahawa kita mempunyai gaya hidup yang mewah kekayaan yang melimpah ruah.

Naluri rasa yang membawa kepada keburukan perlu dielakkan kerana hal tersebut berkaitan dengan psikologi pengguna dan perbelanjaan yang tidak perlu dilakukan. Hakikatnya, Malaysia boleh mengatasi cabaran inflasi dan peningkatan kos sara hidup serta memastikan kebajikan rakyat terus terjaga jika semua pihak berkepentingan dan rakyat bergabung tenaga demi merealisasikan negara yang mempunyai iklim ekonomi yang lebih baik pascapandemik COVID-19. ¹⁰

Profesor Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah bin Mohd Dali ialah Pensyarah dan Timbalan Presiden, Persatuan Kakitangan Akademik dan Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.